

# Orang Islam Yang Terkemuka

## Almarhum Al-Malik Mohammed Yang Kelima

### Pahlawan Kemerdekaan Negara Maghribi Yang Ulung

Sepuluh juta rakyat Maghribi telah meratapi rajanya, al-Malik Mohammed yang Kelima, yang telah mangkat pada bulan Ramadān yang lalu. Almarhum disanjung oleh rakyatnya bukan sahaja sebagai seorang raja yang dikasihi tetapi juga seorang pahlawan yang telah berjaya menegakkan kemerdekaan negerinya dan melenyapkan penjajahan Perancis di tanah airnya.

Perjuangan al-Malik Mohammed mulai kelihatan jelas

nyata pada hari tentera Amerika mendarat di pantai negara

Maghribi dalam zaman Perang Dunia yang kedua. Pada hari itu

Datanglah Residen Perancis memberi nasihat supaya

almarhum dan keluarganya keluar meninggalkan Maghribi

untuk menyelamatkan diri. Al-Malik Mohammed menjawab:

“Kehidupan beta terikat kukuh dengan kehidupan

rakyat beta, beta berazam hendak hidup bersama-sama

rakyat beta dalam masa suka dan dalam masa duka.”

Apabila pergerakan kemerdekaan bertambah kencang

di Maghribi, Perancis melalui Residennya – Jeneral

Juan – meminta supaya almarhum Mohammed mencela sikap

rakyat Maghribi yang bangun menuntut kemerdekaan, tiba-tiba

al-Malik Mohammed menjawab:

“Dengar wahai Jeneral, Beta menolak kehendakmu

dan tidak mengambil endah terhadap amaranmu; buatlah

apa yang kamu suka!”

Pada 20 Ogos 1953, al-Malik Mohammed telah

#### BUKU2 RUMI

##### Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesusasteraan Tua Di-

Tanah Ayer

Oleh: Abdullah B. Hj Musa

(Lubis) ... .. \$2.00

Cherita-cherita Sejarah 1

Oleh: Edrus ... .. \$1.00

Balek Dari Medan Perjuangan

Oleh: Ahmad Lutfi ... .. \$1.00

Sisa Neraka Dunia

Oleh: Ahmad Lutfi ... .. \$1.20

Bangkai Bernyawa

Oleh: Ahmad Lutfi ... .. \$1.00

Tinjauan Sastera Tanah Ayer

Oleh: Abd Ghani bin Abbas ... .. \$1.50

Sejarah Perak Dahulu Dan

Sekarang

Oleh: Abdullah Hj. Musa

(Lubis) ... .. \$2.00

Surat Menyurat (chitakan kedua)

Oleh: Edrus ... .. \$2.00

ditangkap oleh Perancis dan dibuang negeri ke sebuah  
pulau di Pantai Amerika Timur, lalu melantik Ben Aarafa  
(boneka) menggantikannya.

Semenjak itu pemberontakan menyala di Maghribi dan

kesudahannya – setelah dua tahun dalam pembuangan –

al-Malik Mohammed telah kembali ke tanah airnya pada tahun 1955,

lalu memasyhur kemerdekaan negara Maghribi.



*Kira-kira dua minggu sebelum almarhum al-Malik Mohammed yang Kelima – Raja Maghribi mangkat, tujuh buah negara Afrika merdeka bersidang di bandar “al-Dār al-Bayḍā” (Casablanca) dan telah mengambil keputusan mencegah sebarang pengkhianatan dari penjajah-penjajah dan bonekanya Yahudi Israel.*

*Gambar menunjukkan almarhum al-Malik Mohammed, Presiden Gamal Abdel Nasser, Presiden Sékou Touré (kini) dan Presiden kerajaan sementara Algeria Ferhat Abas dalam perjalanan ke masjid untuk*

*menunaikan fardu Jumaat di bandar Casablanca – Maghribi.*

## Sejarah dan Salasilah Keturunannya

Al-Malik Mohammed yang kelima, diputerakan di Bandar Fās

(Fez) pada tahun 1911 iaitu setahun sebelum

Perancis memaksakan naungannya ke atas negara Maghribi.

Dalam tahun 1927 almarhum naik takhta

kerajaan menggantikan kerajaan ayahandanya – al-Sultan

Yusef ben al-Hassan.

Negara Maghribi telah diperintah oleh nenek moyang

Almarhum al-Malik Mohammed semenjak kurun yang kesebelas

Hijriyah, semenjak moyang almarhum iaitu al-Sharif Ali

al-Husni berhijrah ke negeri Maghribi dari negeri Hijaz.

Menurut sejarahnya, bahawa moyang almarhum

(al-Sharif Ali al-Husni) itu ialah seorang ulama

yang terkenal di negeri Hijaz dari keturunan Saiyidina al-Ḥasan

bin ‘Alī bin Abī Ṭālib dan Sayyidatina Fāṭimah al-Zahrā’

binti Rasulullah *ṣallā Allahu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*. Pada

tahun itu orang-orang haji dari Maghribi telah berkenal-kenalan

dengannya lalu meminta supaya ia sudi berangkat ke negeri



*Almarhum al-Malik Mohammed yang kelima, Raja Maghribi (tengah-tengah bersongkok) sedang beramah-tamah dengan dif-dif yang kehormat dari negara-negara Afrika yang merdeka, yang telah bersidang di Casablanca – Maghribi tidak berapa lama dahulu.*


*Keterangan gambar: Nombor dua dari kanan: Presiden Sékou Touré, Presiden Ferhat Abas (Algeria yang sedang berjuang merebut kemerdekaannya), Presiden Gamal Abdel Nasser, Almarhum al-Malik Mohammed – Raja Maghribi, Putera Mahkota Maghribi Al-Amir Maulai Al-Hasan (sekarang Raja Maghribi), dan yang akhir sekali ialah Presiden Nkrumah (Ghana).*

Maghribi untuk mengembangkan agama Islam dan pengajarannya.

Pada masa itu negeri Maghribi, sedang kacau maka akhirnya dengan jasa anakandanya Sharif dan kemudiannya cucundanya Mohammed dan al-Rashid negara Maghribi telah diamankan dan disatukan wilayah-wilayahnya dalam satu kesatuan yang kukuh. Al-Rashid inilah kemudian telah diangkat menjadi Raja Maghribi dan bergelar sultan.

Almarhum al-Malik Mohammed yang menjadi mauduk makalah ini ialah keturunannya.

Almarhum Al-Malik Mohammed telah berjaya merebut kemerdekaan negara Maghribi dari penjajah Perancis dan Sepanyol dan sentiasa berdiri dalam barisan rakyat dalam masa suka dan juga dalam masa duka.



*Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam lawatan baginda ke negeri Melaka baharu-baharu ini telah berangkat menziarahi makam almarhum Sultan Hussein Shah, Sultan Singapura yang akhir sekali. Gambar menunjukkan baginda sedang menabur bunga dengan diperhati oleh Şāhib al-Faḍīlah Tuan Haji Hassan bin Haji Abu – Mufti Melaka.*